

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]****SOALAN NO. 439**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima-penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Nyatakan secara terperinci jumlah peruntukan wang yang telah disalurkan kepada penerima-penerima BSH. Adakah Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk melonggarkan syarat-syarat kelayakan BSH pada masa depan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

2. Jumlah penerima dan peruntukan bagi BSH/BRIM (sebelum ini) sejak ia diperkenalkan sehingga 2018 adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Isi Rumah		Isi Rumah		Individu Bujang		Jumlah	
	(RM3,000 dan ke bawah)		(RM3,001 – RM4,000)		(RM2,000 dan ke bawah)			
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
	('000)	('000,000)	('000)	('000,000)	('000)	('000,000)	('000)	('000,000)
<b>2012</b>	4,179 (RM500)	2,090	-	-	-	-	4,179	2,090
<b>2013</b>	4,807 (RM500)	2,403	-	-	1,996 (RM250)	499	6,803	2,902
<b>2014</b>	4,275 (RM650)	2,779	376 (RM450)	169	2,308 (RM300)	692	6,959	3,640

**SOALAN NO : 439**

<b>2015</b>	4,272 (RM950)	4,058	429 (RM750)	321	2,737 (RM350)	958	7,438	5,337
<b>2016</b>	3,625 (RM1,000)	3,625	398 (RM800)	318	3,081 (RM400)	1,232	7,104	5,175
<b>2017</b>	3,843 (RM1,200)	4,612	392 (RM900)	353	2,981 (RM450)	1,341	7,216	6,306
<b>2018</b>	3,804 (RM1,200)	4,565	325 (RM900)	292	3,054 (RM450)	1,374	7,183	6,231

3. Bagi tahun 2019, sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion. Bayaran BSH 2019 fasa pertama sebanyak RM300 telah dibuat pada 28 Januari 2019 menggunakan pangkalan data BSH 2018 yang memanfaatkan sehingga 4.1 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.2 bilion.

4. Sebagai Kerajaan berjiwa rakyat dan amat mengambil berat pelbagai perkara termasuk anak muda yang belum berkahwin dan bekerja tetapi berpendapatan kecil, Kerajaan bersetuju membuat bayaran RM100 one-off kepada setiap individu yang berdaftar di bawah kategori bujang dalam pangkalan data BSH 2018. Bayaran tersebut akan dibuat pada hujung bulan Mac 2019 dan dimasukkan terus ke dalam akaun bank mereka. Bayaran ini akan memanfaatkan lebih daripada 3 juta individu dan melibatkan peruntukan hampir RM300 juta.

5. Demi memastikan pelaksanaan BSH 2019 berjalan dengan lancar, Kerajaan telah memberi kelonggaran dalam proses pendaftaran antaranya ialah pemohon tidak perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri yang lengkap semasa penghantaran borang dan bagi pemohon BSH yang berumur 60 tahun dan ke atas (Warga Emas), pemohon tidak perlu mengemaskini maklumat memandangkan LHDNM akan menggunakan data BSH 2018 untuk diproses.

6. Berhubung dengan melonggarkan syarat-syarat kelayakan BSH pada masa depan, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan B40. Beberapa program-program bantuan Kerajaan akan disemak/dikaji semula dalam konteks menguruskan sistem perlindungan keselamatan sosial yang lebih holistik dan berkesan.